

# UTUSAN MALAYSIA 13 DISEMBER 2013

MUKA 8 • UTUSAN MALAYSIA

## Dalam Negeri



SULTAN Ahmad Shah bertanyakan sesuatu kepada Kapten James Anthony yang akan mengellngi dunia selama 50 hari pada Istiadat Penganugerahan Panji-Panji Skuadron di Pangkalan Udara Subang, semalam.

## Tiga Skuadron TUDM terima panji-panji

KUALA LUMPUR 12 Dis. - Tiga Skuadron Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) iaitu No. 11, 12, dan 15 Skuadron mencatat satu lagi sejarah dalam pasukan itu apabila dianugerahkan panji-panji dalam satu istiadat penuh gemilang di Pangkalan Udara Subang dekat sini hari ini.

Penganugerahan panji-panji itu yang mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah selaku Kolonel Yang Dipertua TUDM.

Yang turut mengiringi keberangkatan baginda ke istiadat itu ialah Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom dan Panglima TUDM, Tan Sri Rodzali Daud.

Sultan Ahmad Shah dalam istiadat itu berkenan melakukan pemeriksaan perbarisan melibatkan 26 pegawai dan 363 anggota, diketuai Leftenan Kolonel Aziman Jantan.

Penganugerahan panji-panji kepada ketiga-tiga Skuadron itu merupakan pengiktirafan yang tinggi

dan diberikan sebagai mengenang jasa, sumbangan dan pengorbanan warga TUDM dalam mempertahankan kedaulatan tanah air.

Panji-panji itu juga sebagai simbol kepahlawanan yang perlu disanjung dan pertahankan sehingga ke titisan darah terakhir oleh kesemua anggota TUDM.

Dalam pada itu, turut diadakan majlis penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada bekas-bekas Panglima TUDM iaitu Jen. Tan Sri Nik Ismail Nik Mohamed, Lt. Jen. Tan Sri Mohd. Yunus Mohd. Tasi, Lt. Jen. Tan Sri Abdul Ghani Aziz dan Jen. Datuk Seri Abdullah @ Dollah Ahmad yang disempurnakan oleh Rodzali.

PJM atau Campaign Medal merupakan pingat yang dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai menghargai jasa bekas-bekas Panglima TUDM yang pernah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam operasi menentang penganas komunis.